




Amanah Saver

Pelan Yang Tepat Untuk Kehidupan Yang Bermakna



Sila kunjungi mana-mana cawangan kami atau
hubungi 1-800-38-8888

Layari www.hlisb.com.my



Pelan Yang Tepat Untuk Kehidupan Yang Bermakna

Bayangkan anda dapat mengumpul harta dan kewangan terjamin sepanjang hayat anda. Sama ada untuk kereta idaman, membeli rumah, berkahwin, persediaan pendidikan anak, atau untuk persaraan di usia emas. Tidak kira di mana anda dalam perjalanan hidup anda, mempunyai asas kewangan yang kukuh melalui simpanan tetap sangat membantu.

Kami memperkenalkan kepada anda – Amanah Saver, pelan Takaful berkaitan pelaburan sumbangan berkala yang menyediakan kombinasi perlindungan Takaful dan pelaburan sehingga umur 80 tahun.

MENGAPA Amanah Saver?

Manfaat Kematian atau Hilang Upaya



Jaminan kewangan berterusan untuk anda dan keluarga anda adalah penting sekiranya terjadi peristiwa tidak diingini. Pelan ini menyediakan perlindungan terhadap kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (TPD) (sehingga umur 65 pada harijadi berikutnya) yang mana Jumlah Dilindungi Asas termasuk Nilai Akaun (baki dalam Akaun Pelaburan Peserta (PIA)) akan dibayar.

Khairat Kematian



Manfaat tambahan sebanyak RM3,000 juga akan dibayar sebagai khairat kematian sekiranya Orang Dilindungi meninggal dunia.

Manfaat Kematangan



Sekiranya tiada tuntutan dibuat sebelum kematangan, Nilai Akaun akan dibayar.

Fleksibiliti yang Anda Perlukan



Jika anda memerlukan dana kecemasan sebelum sijil matang, anda boleh membuat pengeluaran separa¹ dari PIA. Sebaliknya, sekiranya anda mempunyai lebihan tunai dan ingin membuat simpanan, anda boleh membuat tambahan kepada PIA anda.



Penjmatan melalui Pelepasan Cukai

Sumbangan yang dibayar di bawah pelan Amanah Saver layak mendapat pelepasan cukai peribadi di bawah "Insurans Hayat/Takaful" sehingga RM3,000, tertakluk kepada keputusan akhir Lembaga Hasil Dalam Negeri.



Perkhidmatan Nilai Tambahan

Kami boleh menguruskan untuk menunaikan tanggungjawab keagamaan atau menyumbang kepada badan kebajikan bagi pihak anda setelah anda meninggal dunia atau mengalami TPD, di mana sejumlah amaun akan ditolak daripada manfaat Takaful yang perlu dibayar di bawah sijil anda dan membayarnya kepada penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh kami. Butiran perkhidmatan yang boleh anda pilih adalah seperti yang disenaraikan di bawah:

Perkhidmatan	Jumlah ² (RM)	Penerangan
Badal Haji (untuk Muslim)	3,500	Bermaksud melaksanakan rukun Haji di Mekah bagi pihak mereka yang tidak dapat melaksanakan Haji dengan sendirinya disebabkan penyakit, usia tua atau mati.
Wakaf	500	Bermaksud pemberian sebahagian daripada harta secara sukarela, kekal dan tidak boleh diubah untuk tujuan kebajikan.
Korban (untuk Muslim)	750	Bererti menjalankan "Ibadah Korban" termasuk pembelian dan penyembelihan binatang sembelihan seperti kambing, kambing biri-biri, lembu atau unta bagi pihak anda.

¹ Tertakluk kepada jumlah pengeluaran minimum sebanyak RM500 dan Nilai Akaun minimum sebanyak RM1,000 selepas pengeluaran.

² Tertakluk kepada harga pasaran semasa pada tahun perkhidmatan tersebut dijalankan.

INFO LANJUT MENGENAI Amanah Saver

Jenis Dana Takaful

Akaun Pelaburan Peserta (PIA)

Sumbangan selepas ditolak Yuran Wakalah akan dimasukkan ke dalam unit dana berkaitan pelaburan pilihan anda dan diperuntukkan ke dalam PIA berdasarkan kontrak Wakalah Bi Al Istithmar. Kami akan mengurus dan melabur PIA selaras dengan terma dan syarat sijil. Nilai Akaun adalah berdasarkan prestasi sebenar dan pulangan pelaburan adalah tidak dijamin. 100% daripada keuntungan pelaburan akan dikreditkan kembali ke dalam PIA. Risiko pelaburan dana berkaitan pelaburan ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh anda.

Dana Risiko Peserta (PRF)

Secara bulanan, Tabarru' yang telah ditentukan akan ditolak daripada PIA (melalui pembatalan unit) ke dalam PRF berdasarkan konsep Iltizam Bi Al Tabarru' untuk memberikan perlindungan Takaful di bawah produk ini. Jumlah Dilindungi Asas dan Khairat Kematian akan dibayar daripada PRF dan adalah dijamin. Sebarang lebihan daripada PRF akan diedarkan dalam nisbah 50:50 di antara pengendali Takaful (berdasarkan prinsip Ju'alah) dan peserta yang layak. Kelayakan anda akan diperuntukkan secara tahunan sebagai unit tambahan ke dalam PIA.

Jenis Sumbangan

	Sumbangan Asas	Sumbangan Tambahan Berkala (Pilihan)	Sumbangan Tambahan Tunggal (Pilihan)
Jumlah Minimum	RM600 setahun	RM12 setahun	RM100 setiap tambahan
Tempoh Bayaran	Sama seperti tempoh perlindungan	Minimum 1 tahun, sehingga tempoh perlindungan	Bayaran sekali pada bila-bila masa dalam tempoh perlindungan

Yuran & Caj

Yuran Wakalah

Yuran Wakalah adalah yuran pentadbiran kami yang ditolak daripada sumbangan untuk membayar perbelanjaan pengurusan dan kos pengedaran langsung, termasuk komisen. Yuran Wakalah untuk Sumbangan Asas berbeza mengikut tahun sijil. Di bawah adalah contoh Sumbangan Asas tahunan sebanyak RM3,000:

Tahun Sijil		1	2	3	4 - 6 ^	7 - 10 ^	>10 ^
Yuran Wakalah	%	48.0	32.0	27.5	17.5	13.5	0.0
	RM	1,440	960	825	525	405	0.0
Sumbangan Diperuntukkan ke dalam PIA	%	52.0	68.0	72.5	82.5	86.5	100.0
	RM	1,560	2,040	2,175	2,475	2,595	3,000

[^]setiap tahun

Yuran Wakalah untuk Sumbangan Tambahan Tunggal/Berkala adalah 5% daripada jumlah tambahan dan baki 95% akan diperuntukkan ke dalam PIA.

Tabarru'³

Jumlah Tabarru' bergantung kepada perlindungan, umur dicapai Orang Dilindungi (pada harijadi berikutnya), pekerjaan dan penilaian perubatan (jika berkenaan). Kadar Tabarru' adalah tidak tetap dan tidak dijamin.

Yuran Perkhidmatan Bulanan³

Yuran Perkhidmatan Bulanan sebanyak RM5 akan ditolak daripada PIA anda untuk tujuan penyelenggaraan dan servis sijil anda.

Caj Pengurusan Dana³

Yuran ini dicaj untuk tujuan menguruskan PIA bagi pihak Peserta seperti yang ditunjukkan di bawah:

Dana Berkaitan Pelaburan	Caj Pengurusan Dana (% daripada nilai dana pelaburan)
Dana HLMT i-Income	1.00% setahun
Dana HLMT i-Balanced	1.25% setahun
Dana HLMT i-Equity	1.50% setahun

Yuran Pengeluaran Separa³

Dikecualikan.

Yuran Serahan

RM50 ketika serahan.

Yuran Pertukaran Dana³

Percuma untuk pertukaran pertama dan kedua dalam tahun sijil yang sama. Pertukaran seterusnya dalam tahun sijil yang sama adalah 1% daripada jumlah dana ditukar, tertakluk kepada jumlah maksimum RM50.

³ Kami berhak mengubah yuran dan caj dengan memberikan Peserta 3 bulan notis bertulis sebelum ulang tahun sijil yang berikutnya.

SOALAN LAZIM

1. Apakah maksud Takaful?

Istilah ‘Takaful’ merujuk kepada skim berdasarkan persaudaraan, perpaduan dan saling membantu yang menyediakan bantuan dan pertolongan kewangan kepada peserta-peserta sekiranya diperlukan di mana peserta-peserta bersetuju untuk menyumbang untuk tujuan tersebut. Setiap peserta bersetuju untuk menyumbang berdasarkan Tabarru’ (derma) yang disatukan untuk memberi manfaat semasa berlakunya kejadian malang yang dialami oleh mana-mana peserta.

2. Siapakah yang layak untuk dilindungi di bawah Amanah Saver?

Pelan ini disediakan untuk individu berumur di antara 30 hari dan 60 tahun (harijadi berikutnya), tertakluk kepada keperluan pengunderaitan.

3. Apakah rider yang disediakan untuk meningkatkan perlindungan saya?

Anda boleh memilih untuk melampirkan mana-mana rider yang berikut kepada Amanah Saver:

Rider	Penerangan Ringkas
Term Rider (Person Covered)	Menyediakan perlindungan tambahan untuk kematian dan TPD.
Accidental Death and Dismemberment 2 Rider	Perlindungan terhadap kesulitan yang tidak diduga akibat kemalangan.
Hospital Income Benefit 3 Rider	Memberikan pendapatan harian ketika kemasukan ke hospital.
Accelerated Critical Illness 3 Rider	Menyediakan manfaat hidup sekaligus ketika didiagnosis mana-mana satu daripada 36 penyakit kritikal.
Waiver of Contribution Rider	Memastikan sijil diteruskan di mana sumbangan masa hadapan akan dikecualikan sekiranya Peserta meninggal dunia atau mengalami TPD.

4. Apakah dana berkaitan pelaburan yang boleh saya pilih?

Anda boleh memilih mana-mana satu dana lulus Shariah di bawah yang mana diuruskan oleh kumpulan profesional:

Nama Dana	Objektif Pelaburan	Toleransi Risiko
Dana HLMT i-Income	Untuk memelihara modal sambil mencapai aliran pendapatan tetap melalui portfolio pelaburan yang mengandungi sekuriti pendapatan tetap dan sebahagian kecil sekuriti ekuiti.	Rendah hingga sederhana
Dana HLMT i-Balanced	Untuk mencapai pendapatan tetap dan juga peningkatan kapital jangkamasa sederhana hingga panjang melalui portfolio pelaburan pelbagai mengandungi sekuriti ekuiti dan pendapatan tetap.	Sederhana hingga tinggi
Dana HLMT i-Equity	Untuk mencapai peningkatan kapital jangkamasa panjang melalui pelaburan dalam sekuriti patuh Shariah syarikat yang tersenarai.	Tinggi

Sila rujuk Helaian Fakta Dana untuk maklumat lanjut mengenai dana berkaitan pelaburan di atas.

5. Apakah mod dan kaedah pembayaran sumbangan?

Anda boleh membayar sumbangan anda sama ada secara tahunan, separa tahunan, suku tahunan atau bulanan melalui kad kredit, debit terus atau arahan tetap.

6. Apakah pengecualian penting untuk Amanah Saver?

- Hanya Nilai Akaun (jika ada) akan dibayar untuk kematian akibat bunuh diri. Jumlah Dilindungi Asas tidak akan dibayar.
- Jumlah Dilindungi Asas tidak akan dibayar sekiranya TPD disebabkan oleh pengaruh alkohol atau akibat dijangkiti virus HIV atau AIDS.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil Takaful untuk senarai lengkap pengecualian.

7. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya menamatkan sijil saya lebih awal?

Anda boleh menyerahkan sijil dengan memulangkan sijil kepada kami dengan notis bertulis yang ditandatangani oleh anda. Nilai Akaun (jika ada) ditolak yuran serahan akan dibayar. Anda akan kehilangan manfaat dibawah sijil anda dan jumlah yang akan dibayar kepada anda mungkin kurang berbanding jumlah sumbangan yang telah anda bayar.

8. Dimanakah saya boleh memeriksa harga unit dana berkaitan pelaburan?

Harga unit untuk setiap dana berkaitan pelaburan diterbitkan dalam laman web korporat kami setiap hari serta dalam akhbar* "Berita Harian" dan "The New Straits Times Press" setiap minggu.

*Tertakluk kepada perubahan tanpa notis selanjutnya.

NOTIS PENTING

1. Risalah ini memberikan ringkasan tentang ciri-ciri utama produk ini dan tidak membentuk satu sijil Takaful. Anda hendaklah membaca Helaian Pendedahan Produk dan Ilustrasi Manfaat untuk maklumat tambahan dan sijil Takaful untuk terma dan syarat lengkap di bawah produk ini.
2. Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah sijil adalah dalam kemampuan anda.
3. Anda harus memberikan maklumat yang mencukupi dan tepat supaya nasihat yang sesuai dan kesesuaian produk untuk memenuhi keperluan dan keadaan anda boleh diberikan kepada anda.
4. Anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil dalam tempoh bertenang selama 15 hari selepas sijil telah dihantar kepada anda. Kami akan mengembalikan kepada anda sebarang sumbangan tidak diperuntukkan, nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga unit pada tarikh penilaian berikutnya, sebarang Tabarru' dan yuran perkhidmatan bulanan yang telah dipotong, ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang mungkin telah ditanggung.
5. **Ini adalah produk Takaful yang terikat dengan prestasi aset dasar, dan bukan produk pelaburan tulen seperti unit amanah.**
6. Prestasi dana adalah tidak dijamin. Harga unit mungkin jatuh atau naik bergantung kepada prestasi sebenar aset dasar dana tersebut. Risiko pelaburan dana berkaitan pelaburan adalah ditanggung sepenuhnya oleh anda. Nilai Akaun mungkin lebih kurang daripada sumbangan keseluruhan yang diperuntukkan ke dalam PIA.
7. Sekiranya sumbangan tidak dibayar, sijil anda akan kekal berkuatkuasa selagi Nilai Akaun mencukupi untuk membayar Tabarru' dan caj-caj lain yang berkaitan. Sekiranya sumbangan masih tidak dibayar selepas tempoh ihsan selama 30 hari dan PIA tidak mencukupi untuk membayar semua caj-caj, sijil anda akan luput.
8. Penyertaan dalam sijil Takaful Keluarga sumbangan berkala adalah satu komitmen jangka panjang. Adalah tidak dianjurkan untuk memegang pelan ini untuk tempoh masa yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi.

9. Jika anda membatalkan sijil anda lebih awal, anda mungkin akan menerima amaun sedikit daripada yang telah disumbangkan.
10. Sijil ini tidak akan memberikan sebarang bayaran daripada PRF apabila penamatan awal sijil, penyerahan atau sijil matang.
11. Jika anda memerlukan maklumat tambahan tentang Takaful Berkaitan Pelaburan, sila rujuk risalah *insuranceinfo* mengenai "Takaful Berkaitan Pelaburan" di mana-mana cawangan kami, atau lawati www.insuranceinfo.com.my.
12. Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.



Diedarkan oleh:

Hong Leong Bank Berhad (97141-X)

Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W)

Diunderait oleh:

Hong Leong MSIG Takaful Berhad (738090-M)

Hong Leong MSIG Takaful Berhad merupakan ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, beberapa manfaat yang dilindungi di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad dilindungi oleh PIDM daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful, sekiranya berlaku kegagalan sesebuah ahli penginsurans. Untuk maklumat lanjut mengenai had-had perlindungan dan skop perlindungan, sila dapatkan risalah maklumat PIDM dari Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

Ibu Pejabat

Tingkat 5, Menara B, PJ City Development,
No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A,
46100 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia.

Tel: 03-7650 1800 Faks: 03-7620 6730

Untuk keterangan lanjut,
sila layari www.hlmtakaful.com.my atau
[fb.com/HongLeong.MSIG.Takaful](https://www.facebook.com/HongLeong.MSIG.Takaful)